

01 MAY 1997

Mahathir - Malawi (Bergambar)

PERDANA MENTERI TIBA DI MALAWI UNTUK LAWATAN TIGA HARI

Oleh: E. Sivabalan

BLANTYRE (MALAWI), 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Republik Malawi, negara pertama dalam lawatan ke tiga negara Afrika.

Pesawat persendirian yang membawa Perdana Menteri dan rombongan tiba di bandar perdagangan dan industri ini, terletak kira-kira 300 km ke baratlaut Lilongwe, ibu negara Malawi pada 4 petang (10 malam waktu Malaysia).

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di Lapangan Terbang Blantyre oleh Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi, seorang Muslim di negara yang majoriti penduduknya beragama Kristian.

Delegasi Perdana Menteri mengandungi 31 anggota termasuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan ahli perniagaan yang diketuai pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim.

Kemudian, dalam upacara sambutan rasmi di lapangan terbang, Dr Mahathir memeriksa perbarisan kehormatan.

Lawatan Dr Mahathir ke Malawi ialah sebagai membalas lawatan Dr Muluzi ke Malaysia pada September tahun lepas. Perdana Menteri juga akan melawat Botswana dan Afrika Selatan dalam rangka lawatan tujuh hari itu.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis jamuan bersama Dr Muluzi.

Esok, Perdana Menteri dijadual mengunjungi Dr Muluzi di Istana Sanjika pejabat presiden pada 9.30 pagi (3.30 petang waktu Malaysia) diikuti dengan mesyuarat delegasi secara dua hala.

Selepas mesyuarat, Dr Mahathir akan melakukan upacara pecah tanah projek Blantyre City Centre Hotel oleh G-Two Holdings Berhad berharga RM70 juta di sini.

Projek hotel mengandungi 188 bilik itu dijalankan oleh Malawi Resorts World Limited, 74 peratus dikuasai oleh pelabur Malaysia sementara selebihnya oleh Malawi Development Corporation. Ia dijangka siap menjelang akhir tahun depan.

G-Two merupakan syarikat utama Malaysia yang beroperasi di Malawi disamping Telekom Malaysia Berhad. Ia juga akan membina kawasan penempatan baru mengandungi rumah kos rendah di kawasan seluas 800 hektar di negara ini.

Projek penempatan berharga RM3 bilion itu dijangka siap secara berperingkat dalam tempoh 15 hingga 20 tahun, kata pengarah eksekutifnya Datuk Lim Huah Leong kepada Bernama di sini hari ini.

Pada Jumaat, Dr Mahathir akan ke Masjid Blantyre untuk menunaikan sembahyang Jumaat diikuti dengan jamuan tengah hari.

Dr Mahathir dan delegasi dijadual melawat ibu pejabat Telekom Network Limited di sini.

Telekom Network ialah syarikat usahasama antara Telekom Malaysia dan Malawi Posts and Telecommunications Corporation. Syarikat itu yang diberi lesen bagi mengendalikan sistem komunikasi selular bergerak (PSDN) dirasmikan oleh Moggie di sini pada 11 Mei, tahun lepas.

Perdana Menteri juga akan menghadiri jamuan negara yang diadakan oleh Presiden Malawi malam esok.

Beliau dijadualkan berlepas ke Gaborone, ibu negara Botswana pada 8.30 pagi (2.30 tengah hari waktu Malaysia) pada Sabtu untuk memulakan lawatan ke negara itu.

Malawi yang meliputi kawasan hampir 119,000 km persegi mempunyai penduduk berjumlah 11 juta. Negara itu bersempadan dengan Mozambique,

Tanzania dan Zambia.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Malawi pada 1996 ialah RM2.55 juta (AS\$1.02 juta), tambahan 36.4 peratus daripada RM1.87 juta (AS\$0.75 juta) pada 1995.

Eksport ke Malawi berjumlah hingga RM1.13 juta (AS\$0.45 juta) dan import berjumlah RM1.42 juta (AS\$0.57 juta). Defisit dagangan Malaysia dengan Malawi ialah RM0.29 juta (AS\$0.12 juta).

Pada 1996, eksport Malaysia bernilai RM1.13 juta (AS\$0.45 juta), penurunan daripada RM33 juta (AS\$0.53 juta) pada 1995.

Import Malaysia dari Malawi pada 1996 bernilai RM1.42 juta (AS\$0.57 juta), penurunan 162.9 peratus daripada 1995.

Ini disebabkan oleh pertambahan eksport dhall. Dhall menjadi produk terbesar yang diimport dari Malawi yang meliputi 93.7 peratus daripada jumlah import pada 1996. -- BERNAMA

ES FAZ